Perempuan dan Fardu Haji – Soal Keamanan di Tanah Suci

Zainab Ali, Kota Bharu Kelantan, bertanya: Betulkah perempuan-perempuan Islam dari luar negeri yang tiba di Mekah kerana hendak menunaikan fardu haji, khabarnya mereka tidak aman dan sentiasa tinggal dalam keadaan cemas dan ketakutan, kerana dikacau oleh penjahat-penjahat di tanah suci? Nampaknya berita-berita yang seperti ini sangat-sangat dibesar-besarkan oleh setengah-setengah akhbar Indonesia dan pernah disalin oleh setengah-setengah akhbar kita di Tanah Melayu?

Jawab: Cik Zainab jangan bimbang dan jangan percaya akan propaganda anti-haji yang seperti itu.

Perempuan-perempuan Islam, yang sopan santun dan pandai menjaga kehormatan dirinya, dan sentiasa pula terletak dalam kawalan suami atau kaum kerabatnya, sudah barang tentu akan menempuh jalan yang aman dalam masa pergi dan balik dan juga dalam masa tingga di tanah suci. Tidak ada siapa-siapa yang akan mengganggu atau menculik mereka.

Cik Zainab seyogia faham, di Indonesia, memang tidak dapat dinafikan tentang wujudnya anasir-anasir atau golongan-golongan yang anti-Islam. Penulis-penulis dan pengemudi-pengemudi akhbar dari golongan inilah yang kedapatan sentiasa menggunakan kesempatan untuk mencela Islam apabila ada sesuatu berita yang agak dapat dijadikan landasan untuk meracuni fikiran ramai tentang Islam dan apa jua yang bersangkut paut dengan Islam.

Punca berita yang disiarkan oleh akhbar-akhbar itu, mengatakan seorang wanita Indonesia telah diculik (dilarikan) oleh seorang lelaki Arab di Mekah, dan dengan alasan ini akhbar-akhbar itu pun mendapat peluang untuk menghentam dan mengata-ngata orang-orang negara Saudi Arabia khasnya dan orang-orang Arab amnya.

Kalau penulis-penulis itu siuman, tentulah mereka akan bertanya kepada diri sendiri lebih dahulu sebelum mereka menulis: patutkah – kalaupun berita itu betul – perbuatan seorang penjahat dari penduduk Mekah melarikan seorang wanita Indonesia, dijadikan alasan yang halal untuk menghentam semua penduduk negara Saudi Arabia dan pemerintahnya dan merangkum semua sekali laki-laki bangsa Arab yang ada dalam dunia ini?

Anasir-anasir yang anti-haji itu menyiarkan tulisan mereka dengan tajuk "Lelaki Arab di Saudi Arabia Pengsan Melihat Wanita Indonesia"

Padahal mereka lupa bahawa sudah barang tentu akan ada orang bertanya: Mengapa boleh jadi begitu? Adakah wanita Indonesia itu bidadari yang turun dari syurga?

Sebenarnya pembaca-pembaca yang arif, tentulah akan dapat memaham maksud dan mengetahui akan sebab-sebabnya maka kaum lelaki di tanah suci kelihatan khayal memandang tingkah laku setengah kaum perempuan Islam yang datang ke Mekah dengan tujuan hendak mencari pahala – hendak menunaikan fardu haji, tetapi perbuatan, perjalanan, pakaian, dan kesopanannya menyalahi ajaran Islam dan

semata-mata mendatangkan dosa.

Inilah yang menyebabkan kaum lelaki di sana tercengang melihat tingkah laku setengah daripada perempuan-perempuan Islam kita yang akan bergelar "Hajah" dan terhormat. Inilah dia hakikat perkara ini yang sebenarnya, bukan mereka pengsan kerana melihat kecantikan paras dan bentuk tubuh wanita yang terdedah, yang melanggar hukum Islam, dan merosakkan ibadat haji sendiri.

Cik Zainab juga seyogia mengetahui, dalam apa-apa perkara pun janganlah kita terpengaruh mendengar sesuatu yang dihebahkan oleh satu pihak sahaja sebelum kita mendengar alasan pihak yang satu lagi. Dan sekarang kami menyampaikan apa dia balasan pihak yang satu lagi – pemerintah Saudi Arabia, dan pihak orang-orang Islam Indonesia sendiri yang jujur dan bertujuan baik.

Pertama: Pemerintah Saudi Arabia – melalui dutanya di Jakarta – telah mendustakan propaganda anti-haji itu. Keterangan rasmi dari pihak kerajaan Saudi Arabia telah disiarkan oleh radio Jakarta (bahagian Arab) sebaik-baik sahaja berita itu tersiar dalam akhbar Indonesia.

Kedua: Penganjur-penganjur Islam Indonesia sendiri telah menulis di dalam akhbar membantah propaganda yang tidak bertanggungjawab itu, bahkan ada di antaranya yang telah memberi cadangan supaya pemerintah Indonesia membuat peraturan-peraturan yang ketat untuk melarang wanita-wanita Indonesia "yang melanggar kesopanan" atau "yang lemah imannya" atau pun yang tidak mempunyai pengawal (suami atau muhrimnya) daripada naik haji, kerana pemergian wanita-wanita yang demikian, bukan mencari pahala tetapi mencari bala.

Bijak pandai Indonesia yang memberi cadangan seperti yang diterakan di atas ialah Hajah Rahmah al-Yunseh, ibu pendidik yang terkenal. Beliau telah berangkat ke tanah suci pada tahun yang lalu dan telah melihat keadaan di sana dengan mata kepala sendiri.

Dalam tulisannya yang disiarkan oleh majalah "Hikmah" Jakarta, bertarikh 14 Disember 1957, Ibu Rahmah berkata:

Dalam hal ini hendaknya janganlah kita membesar-besarkan sesuatu kejadian yang kecil yang masih dapat dicarikan cara-cara penyelesaian dengan mudah. Janganlah hendaknya menimpakan sesuatu kesalahan kepada orang lain sahaja atau kepada golongan agama, sebagaimana yang telah banyak tersebar dalam surat-surat khabar pada masa yang akhir-akhir ini, tetapi melenyapkan apa yang menjadi pokok bagi persoalan itu.

Kerana dengan cara yang demikian itu bukanlah mendatangkan kebaikan, bahkan harus akan timbul sebaliknya. Apa lagi dalam keadaan suasana dunia sedang diliputi pertentangan-pertentangan faham di antara golongan yang mengakui adanya Tuhan dengan faham yang menidakkan Tuhan.

Hendaknya dalam hal yang seperti itu seharusnya diselidiki dengan saksama, apakah sebabnya sesuatu peristiwa itu terjadi, dan bagaimana pula usaha bagi menganisinya supaya jangan berulang lagi.

Menurut pendapat saya ada beberapa cara yang kiranya dapat ditempuh bagi mencapai kebaikan-kebaikan untuk jemaah haji kita itu pada masa yang akan datang. Di antaranya ialah:

1. Wanita-wanita yang tidak mempunyai suami atau muhrimnya yang ikut serta, hendaklah dilarang daripada naik haji. Cara yang demikian sesuai dengan ajaran Islam.
2. Orang-orang yang lemah dengan erti yang luas, iaitu lemah anggota, lemah iman dengan erti mudah

tergoda kepada perkara-perkara yang melanggar kesopanan, janganlah dibenarkan naik haji.

3. Di samping penjagaan pihak yang berwajib, hendaklah diusahakan sebuah badan yang khas oleh jemaah haji sendiri, dengan berupa satu rombongan yang terdiri dari beberapa keluarga, yang ditugaskan sebagai pengawas sepanjang masa perjalanan pergi dan balik.

Dengan cara yang tiga ini, selain daripada jemaah haji dapat bertolong bantu sesama sendiri dalam suka duka yang dihadapi, dapat meringankan beban pegawai-pegawai haji kita dan pegawai-pegawai haji Saudi Arabia.

Saya rasa dengan tiga perkara yang saya kemukakan di atas ini harus dapat dijalankan dengan baik dan harus pula kekecewaan yang telah terjadi itu tidak akan berulang lagi.

Demikian kata Ibu Rahmah al-Yunseh, pendidik yang terkenal dan anggota Masyumi yang tidak asing lagi.

Rasanya dengan apa yang telah kami turunkan di sini jelaslah bahawa soal ini telah dibesar-besarkan oleh setengah-setengah akhbar dengan niat tidak jujur dan semata-mata hendak menyalahkan orang lain pada hal – yang sebenarnya – pihak sendirilah yang patut disalahkan.

Kepada Cik Zainab, sekali lagi diulangi: bahawa perempuan-perempuan Islam, yang sopan santun dan pandai menjaga kehormatan dirinya, dan sentiasa pula terletak dalam kawalan suami atau kaum kerabatnya, sudah barang tentu akan menempuh jalan aman dalam perjalanan naik haji, baik dalam masa berada dalam kapal atau pun ketika berada di tanah suci. Tidak akan ada siapa-siapa yang akan mengganggu atau menculiknya

– Ustazah.

Suatu pemandangan dalam majlis sandiwara anjuran "Taman Pendidikan Wanita-wanita Islam" Singapura.

Sidang hadirin – lelaki, perempuan dan kanak-kanak – kelihatan ria dan gembira.